

Tsu Koon janji kukuhkan kuasa timbalan majukan orang Melayu

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

PULAU PINANG 10 Sept. - Bidang kuasa dan tanggungjawab Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang akan diperkasa dan diperkukuhkan dalam usaha membangunkan orang Melayu di negeri itu, kata Tan Sri Koh Tsu Koon.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, tanggungjawabnya sebagai Ketua Menteri untuk semua kaum di Pulau Pinang tidak akan berubah walaupun berlaku pengukuhan kuasa dan tanggungjawab timbalannya.

"Saya bersedia untuk membincangkan perkara ini bagi mem-

Saya bersedia untuk membincangkan perkara ini bagi memperkukuhkan bidang kuasa dan tanggungjawab timbalan saya

perkukuhkan bidang kuasa dan tanggungjawab timbalan saya dan berharap ia mampu dilaksanakan mengikut mekanisme yang dipersetujui," katanya selepas merasmikan seminar Pemahaman Tekanan dan Bunuh Diri, di sini hari ini.

Tsu Koon berkata demikian bagi mengulas kenyataan Tim-

balan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam yang mahu beliau berpegang kepada kenyataannya sebagai Ketua Menteri kepada semua kaum di Pulau Pinang dan bukan hanya sekadar retorik semata-mata.

Najib berkata, sebagai sokongan kepada perjuangan orang Melayu di Pulau Pinang agar

KOH TSU
KOON
Ketua
Menteri
Pulau
Pinang

tidak terus terpinggir dalam arus pembangunan, pemimpin Melayu harus mencari satu formula untuk memperkasakan kaum Melayu dengan menyusun semula sistem sedia ada.

Sehubungan itu jelasnya, jawatan Timbalan Ketua Menteri yang disandang oleh Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah perlu diperkasakan.

Menurut Tsu Koon, beliau telah mendapat penjelasan daripada Najib berhubung perkara itu yang mahukan tanggungjawab dan bidang kuasa timbalannya dapat diperkukuhkan, seterusnya membantu kedudukan

• **Lihat muka 2**

Tsu Koon janji kukuhkan kuasa timbalan majukan orang Melayu

orang Melayu di Pulau Pinang.

Malah, beliau tetap berpegang kepada prinsip bekerjasama secara rapat dengan UMNO Pulau Pinang dengan harapan dapat memperkukuhkan perpaduan di atas semangat Barisan Nasional tanpa meminggirkan mana-mana kaum di negeri itu.

Tsu Koon berkata, perbincangannya dengan Najib banyak berkisar kepada pengukuhan dan memantapkan jawatan Timbalan Ketua Menteri dan ia tidak menyentuh tanggungjawabnya sebagai Ketua Menteri.

Mengulas mengenai insiden antara Pemuda UMNO dan Pemuda Gerakan Pulau Pinang berhubung tindakan Pe-

muda UMNO menaikkan kain rentang mengkritik Tsu Koon semasa lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Selasa lalu, beliau berkata, kedua-dua sayap parti itu telah mengadakan pertemuan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Adalah lebih baik kedua-dua sayap parti itu selesaikan secara baik dan tidak rasmi bagi meredakan ketegangan yang timbul ketika ini.

"Mereka (Pemuda UMNO dan Gerakan) kawan baik dan berjuang dengan objektif yang sama dan daya tidak lihat kenapa mereka tidak boleh berbaik," tambahnya.